

# Orang kaya tak boleh diberi subsidi petrol – Dr. Mahathir

**KUALA LUMPUR** – Pemberian subsidi minyak melalui Program Subsidi Petrol (PSP) adalah langkah tepat kerajaan dalam memberikan bantuan hanya kepada golongan B40.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu bagi mengelakkan golongan yang tidak sepatutnya menikmati subsidi minyak dari kerajaan kerana setelah dikaji, ada mereka yang memiliki enam kereta mendapat subsidi minyak.

“Sebab itu kita beri cuma untuk satu kereta daripada golongan B40. Kita tidak boleh bagi subsidi kepada orang kaya. Kita lihat mereka yang guna kereta mewah seperti Rolls-Royce pun dapat subsidi menerusi subsidi lama,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen semalam.

Golongan B40 merangkumi isi rumah berpendapatan bulanan RM3,860. Dalam pada itu, pakar ekonomi, Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram menggesa

kerajaan mengutamakan pemberian subsidi pengangkutan awam berbanding subsidi bahan api atau petrol.

“Siapa lebih banyak menggunakan bahan api? Pastinya pemilik kereta. Mereka yang berpendapatan 20 peratus terendah tidak memiliki kereta mahu pun motosikal dan hanya bergantung kepada pengangkutan awam,” katanya selepas Forum Megatrend Khazanah 2019 semalam.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk

Seri Saifuddin Nasution Ismail mengumumkan, 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup di Semenanjung Malaysia akan menerima PSP mulai 1 Januari 2020.

Subsidi RM30 sebulan akan diberi kepada pemilik kereta 1600cc dan ke bawah dan bagi kereta melebihi 1600cc, ia bermula 10 tahun dan ke atas.

Sebanyak RM12 sebulan bagi pemilik motosikal 150cc dan ke bawah manakala motosikal melebihi 150cc yang berumur tujuh tahun dan ke atas. – Bernama